

## PERATURAN DAN ETIKA SEMASA MENJALANKAN SIDANG PENILAIAN AKHIR

Hendaklah dibacakan dihadapan Pelajar dan memastikan Pelajar faham akan kandungannya sebelum sidang penilaian akhir dimulakan

### Definisi

1. Sesi pertemuan ini dinamakan **sesi penilaian akhir** sahaja. Seterusnya pemakaian mana-mana istilah di atas diterimapakai dalam sesi ini.
2. Sidang Penilaian Akhir ini tertakluk kepada **AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI** (Pindaan) 1996 serta Peraturan Akademik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
3. Sesi ini dikendalikan oleh seorang *Graduate Fellow* yang dilantik sebagai **Ketua Panel Penilai (KPP)** dan satu atau dua orang Pensyarah yang dilantik sebagai **Ahli Panel Penilai (APP)**. Gabungan ahli-ahli panel ini disebut **Panel Penilai (PP)**. Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional atau Calon Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional adalah individu yang terdaftar, membayar yuran penuh dan menjalani pengajian sepenuh masa di Jabatan Ikhtisas Pendidikan (**JIP**), Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional(**FPTV**), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (**UTHM**).

Seterusnya, dengan ini Saya (sebut nama) sebagai Ketua Panel Penilai membacakan di hadapan kamu akan peraturan dan etika dalam menjalani sidang penilaian akhir agar kamu faham akan isi kandungannya dan mematuhi dengan taat akan peraturan dan etika yang dibacakan ini. Sekiranya kamu ada apa-apa bantahan sila kemukakan sebelum sidang penilaian akhir ini diteruskan.

1. Pelajar mengakui bahawa kerja-kerja yang dihasilkan ini adalah karya aslinya yang tersendiri. Mana-mana bahagian yang dikutip daripada atau melalui pelbagai sumber dan media (akhbar, majalah, buku, jurnal atau bahan elektronik), pengarang dan sumber asalnya dinyatakan dengan jelas.
2. Pelajar mengakui bahawa kerja-kerja yang dihasilkan ini adalah di bawah seliaan atau bimbingan seorang Pensyarah di UTHM atau mana-mana individu bertauliah yang dilantik secara rasmi. Pelajar juga mengakui bahawa telah menggunakan berbagai kemudahan dan perkhidmatan di UTHM. Oleh itu hasil karya Pelajar adalah menjadi hak milik UTHM dan tidak boleh disebarluaskan tanpa kebenaran bertulis daripada UTHM. Sekiranya sesuatu hasil karya itu boleh menjana pendapatan dari segi material maka Hak Cipta, Jenama dan atau *Intellectual Property* Pelajar akan diusahasamakan antara Pelajar dan UTHM.
3. Pelajar mengakui bahawa tiada tindakan undang-undang akan diambil sekiranya timbul perselisihan faham dengan **PP** sehingga menyebabkan keputusan muktamad yang diambil merugikan atau mencederakan mana-mana pihak. Sekiranya, perselisihan faham ini tidak dapat diselesaikan dalam sidang ini, maka Pelajar layak membawa kepada pengetahuan Dekan FPTV secara lisan atau bertulis dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

Adakah kamu faham akan isi kandungan Peraturan dan Etika ini? ..... **YA / TIDAK**

Sekiranya tiada bantahan adakah kamu sekarang bersedia untuk bersidang?..... **YA / TIDAK**

Sidang dimulakan sekarang pada hari : \_\_\_\_\_ bertarikh: \_\_\_\_\_ jam: \_\_\_\_\_ di UTHM.

Nama Pelajar:..... No. Matrik.....

Tanda Tangan Pelajar:..... Tanda Tangan Ketua Panel Penilai:.....